

# BN Sabah perlu diberi autonomi pilih calon PRN

## Kompromi, 'korban besar' dengan BERSATU jika mahu PN menang

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Barisan Nasional (BN) Sabah perlu diberi autonomi untuk menentukan calon yang akan bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) negeri itu kelak.

Pemerhati politik berpendapat, BN yang diterajui UMNO perlu diberi laluan untuk bertanding di kubu kuat mereka, namun pada masa sama, perlu memberi laluan kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) atas dasar kompromi dan berkongsi kuasa yang diwujudkan pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata rundingan dengan BERSATU bagi penentuan kerusi perlu dilakukan bagi memastikan pertandingan satu lawan satu dengan parti lawan, seterusnya memba-

wa kemenangan.

Katanya, UMNO Sabah yang diterajui Pengerusinya, Datuk Seri Bung Moktar Radin perlu diberi ruang untuk mengadakan rundingan itu, yang disifatkan lebih memahami kekuatan dan strategi dalam konteks Sabah.

"Kekuatan BN dan UMNO negeri akan menyumbang kepada kekuatan parti itu secara keseluruhan.

"BERSATU perlu bersedia berkompromi untuk mengutamakan parti yang lebih kuat dan parti yang kuat seperti UMNO juga perlu berkompromi untuk berkongsi kuasa dan kerusi dengan BERSATU," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmarin, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Annuar Musa, berkata rundingan antara BN dan BERSATU Sabah perlu dilakukan, dengan parti yang lebih kuat perlu diberi laluan untuk bertanding di kerusi diyakini menang.

Katanya, rundingan itu perlu

demasi memastikan berlaku pertandingan satu lawan satu di antara calon Perikatan Nasional (PN) dengan Parti Warisan Sabah (WARISAN) pada PRN negeri itu kelak.

Bung Moktar sebelum itu membayangkan UMNO negeri akan mempertahankan 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mereka tandangi pada PRU-14, termasuk bersedia bertanding di beberapa kerusi baharu.

Ketua Badan Pimpinan BERSATU Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor, dilaporkan berkata, BERSATU yang sebelum ini tidak mempunyai kerusi di negeri itu pada PRU lalu mahu bertanding di 45 kerusi.

Sebanyak 73 kerusi DUN akan dipertandingkan pada PRN Sabah, termasuk 13 kerusi baharu yang diluluskan Dewan Rakyat pada Julai tahun lalu selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya negeri itu.

Mohd Izani berpendapat, keputusan PRN Sabah amat penting kerana ia memberi petunjuk kepada keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).



**“Kekuatan BN dan UMNO negeri akan menyumbang kepada kekuatan parti itu secara keseluruhan.**

*Mohd Izani Mohd Zain,  
Pensyarah Kanan Fakulti  
Ekologi Manusia, UPM*

"UMNO dan BERSATU perlu fikirkan kemenangan untuk menubuhkan kerajaan yang kuat dan stabil, bukan masing-masing mahu membuktikan siapa yang kuat antara mereka," katanya.

Sementara itu, penganalisis politik Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Sivamurugan Pandian, berkata kompromi dan 'korban besar' antara BN dan BERSATU perlu dibuat jika mahu kemenangan PN di Sabah.

"Di Sabah, faktor pemilihan calon lebih kepada lokaliti dan personaliti, bukan parti mana yang bertanding di kerusi mana boleh menang. Calon yang dipilih perlu berdasarkan keperluan akar umbi.

"Setakat hari ini, UMNO sememangnya mempunyai kekuatan tersendiri tapi itu tidak bermakna



**“Setakat hari ini, UMNO ada kekuatan tersendiri, tetapi itu tidak bermakna mereka boleh mengetepikan parti lain.**

*Sivamurugan Pandian,  
Penganalisis politik USM*

mereka boleh mengetepikan parti lain," katanya.

Sivamurugan berkata, kompromi itu juga amat penting supaya tidak berlaku pertelingkahan dalaman dan unsur sabotaj antara dua parti itu pada kempen PRN kelak.

"PN harus memberi keutamaan kepada calon kerana lawan mereka adalah WARISAN iaitu pemerintah negeri. Di Persekutuan, BERSATU dilihat ke hadapan, namun tidak di negeri (Sabah)," katanya.

Selain itu, beliau berpendapat, kemenangan PN di Sabah bukan ukuran keseluruhan bagi pencapaian pada PRU-15 namun kerjasama antara parti boleh dijadikan sebagai gambaran bentuk kerjasama yang lebih besar.